



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2021

**DASAR NEGARA BAGI AMALAN BAIK PERATURAN
(NATIONAL POLICY ON GOOD REGULATORY PRACTICE - NPGRP)**

JABATAN PERDANA MENTERI

22 Jun 2021

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8872 3333
Faks : 603-8888 3755

Rujukan : MPC(PCD)600-2/2/21

Tarikh : 22 Jun 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2021

DASAR NEGARA BAGI AMALAN BAIK PERATURAN (NATIONAL POLICY ON GOOD REGULATORY PRACTICE - NPGRP)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan mengenai Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (*National Policy on Good Regulatory Practice - NPGRP*).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (*National Policy on the Development and Implementation of Regulations* - NPDIR) telah dilancarkan pada tahun 2013 bagi memperkenalkan dan melaksanakan amalan baik peraturan atau *Good Regulatory Practice* (GRP) dikalangan kementerian dan agensi kerajaan dengan memberi fokus kepada penambahbaikan kepada amalan pembangunan dan pelaksanaan peraturan baru.
- 2.2 Analisis Impak Peraturan (*Regulatory Impact Analysis* - RIA) telah diperkenalkan melalui NPDIR bagi menentukan setiap pembangunan dan pelaksanaan peraturan baru yang dibuat haruslah mempunyai maklumat yang lengkap dan berasas.
- 2.3 Selepas lima (5) tahun pelaksanaan NPDIR, semakan semula dan penambahbaikan telah dilakukan dengan pelancaran Dasar Negara bagi Amalan Peraturan Baik (*National Policy on Good Regulatory Practice* - NPGRP) sebagai inisiatif reformasi amalan peraturan yang lebih menyeluruh, merangkumi peningkatan kualiti peraturan baru dan peraturan sedia ada, supaya penyampaian sektor awam dapat dicapai dengan berkesan dan efisien serta berlandasan prinsip tadbir urus yang baik.

3. SKOP

Berbanding NPDIR sebelum ini, skop NPGRP yang diperkenalkan adalah diperluaskan kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar dan merangkumi peraturan baru dan peraturan sedia ada.

PELAKSANAAN

Semua agensi Kerajaan Persekutuan adalah dikehendaki mematuhi Sistem Pengurusan Proses Peraturan seperti di **Lampiran A**. Untuk maksud itu, Ketua Jabatan adalah diminta untuk mengambil tindakan seperti berikut :

- i. Bertindak sebagai Pengawal Selia selaku Kementerian/Jabatan/agensi yang bertanggungjawab menyedia, menyelaras dan menguatkuasa peraturan-peraturan Kerajaan. Pengawal Selia hendaklah menggunakan pakai dasar ini dan mematuhi keperluan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (*Regulatory Process Management System - RPMS*); dan
- ii. melantik sekurang-kurang seorang Penyelaras Peraturan (*Regulatory Coordinator - RC*) yang akan membantu Ketua Jabatan melaksanakan NPGRP dalam organisasi masing-masing. (Terma Rujukan Penyelaras Peraturan di **Lampiran B**).

5. TERMA RUJUKAN

5.1 Fungsi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)

Penilaian keberkesanan terhadap pelaksanaan dasar ini oleh MPC akan dilaporkan kepada JPPN bagi tujuan pemantauan sewajarnya.

5.2 Fungsi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Fungsi MPC adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan garis panduan dan program bagi pelaksanaan dasar negara;
- b. Menyemak Penyata Impak Peraturan (*Regulatory Impact Statement* - RIS) untuk kecukupan dan penyediaan cadangan yang sesuai;
- c. Memberikan panduan dan bantuan kepada pengawal selia tentang RIA dan penyediaan RIS;
- d. Menjalankan kajian semula secara berkala ke atas kemajuan yang dicapai dan menghantar laporan kepada kerajaan; dan
- e. Mengalakkan ketelusan RIS.

5.3 Fungsi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

INTAN adalah bertanggungjawab bagi mengadakan latihan berkaitan NPGRP.

5.4 Fungsi Jabatan Peguam Negara

Dalam konteks NPGRP, Jabatan Peguam Negara (*Attorney General's Chambers - AGC*) bertanggungjawab menasihati Kabinet atau mana-mana Menteri tentang perkara perundangan, dan melaksanakan tugas lain yang bersifat perundangan, yang boleh dari semasa ke semasa dirujuk atau ditetapkan oleh Kabinet, dan menjalankan fungsi yang diberikan oleh atau di bawah Perlembagaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

5.5 Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan merupakan orang awam dan komuniti perniagaan yang terlibat secara langsung, tidak langsung atau mempunyai kepentingan dalam peraturan yang dicadangkan atau dipinda. Orang awam termasuk kumpulan seperti komuniti perniagaan, pekerja, kumpulan pengguna, kumpulan berkepentingan, organisasi profesional dan individu. Pihak berkepentingan mempunyai peranan penting dalam memberikan maklum balas dan input dalam penggubalan dasar awam.

6. PEMAKAIAN

Semua kementerian/agensi hendaklah mengambil perhatian dan mematuhi pekeliling ini yang berkuat kuasa pada tarikh pekeliling ditandatangani. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Am ini turut dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

8. PENGECUALIAN

Sebarang draf cadangan baru atau pindaan peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kedaulatan negara adalah dikecualikan daripada pemakaian Surat Pekeliling Am ini. Selain daripada itu, pekeliling pentadbiran bagi tujuan perkhidmatan pentadbiran awam juga dikecualikan daripada mengguna pakai Surat Pekeliling Am ini.

9. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Am ini, **Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013 : Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan** bertarikh 15 Julai 2013 adalah terbatal.

10. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung terma rujukan ini boleh dikemukakan kepada:

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan

43200 Petaling Jaya

Selangor


(u.p : Seksyen Daya Saing Negara)

Tel : 03 7955 7266

Faks : 03 7957 8068

Emel : regulatoryreview@mpc.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI)

Ketua Setiausaha Negara

22Jun 2021

SISTEM PENGURUSAN PROSES PERATURAN

PENGENALAN

1. Semua Pengawal Selia dikehendaki mengguna pakai Sistem Pengurusan Proses Peraturan (*Regulatory Process Management System* - RPMS). Keperluan ini terpakai kepada peraturan yang memberikan kesan kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar. Keperluan ini dikecualikan bagi peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kedaulatan negara. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan juga adalah digalakkan mengguna pakai RPMS.

TAKRIFAN PERATURAN

2. Peraturan merangkumi langkah-langkah yang terpakai oleh Pengawal Selia di pelbagai peringkat di mana pematuhannya adalah **mandatori**. Ini termasuk langkah yang diistilahkan sebagai perundangan utama (Akta Parlimen, Enakmen dan Ordinan) dan perundangan subsidiari (Peraturan, Piawaian, Kaedah, Undang-undang Kecil dan Perintah) dan Garis Panduan.
3. Secara amnya, peraturan yang digunakan oleh Kerajaan, gabungan dengan langkah strategik lain seperti dasar Kerajaan, Rancangan Malaysia dan *blueprint*, antara lain adalah untuk mencapai objektif dasar awam. Peraturan menetapkan prinsip, kaedah dan syarat yang mengawal tingkah laku rakyat, perniagaan dan organisasi lain ke arah mencapai objektif dasar awam yang dikehendaki.

TANGGUNGJAWAB AM

4. Dalam menggunakan pakai keperluan RPMS seperti yang dinyatakan dalam bahagian ini, Pengawal Selia di semua peringkat Kerajaan Persekutuan hendaklah proaktif dan bekerjasama untuk mencapai keselarasan dasar dan keseluruhan pendekatan kerajaan. Tanggungjawab pengawal selia termasuklah:

- i. Melantik Penyelaras Peraturan (*Regulatory Coordinator - RC*) untuk menjayakan pelaksanaan NPGRP dan berurusan dengan MPC (Terma rujukan RC dalam **Lampiran B**);
- ii. Memastikan penyediaan peraturan mematuhi keperluan RPMS;
- iii. Memantau, menyemak dan meningkatkan keberkesanan sistem kawal selia yang sedia ada; dan
- iii. Mengelakkan sistem untuk mendokumenkan pematuhan RPMS bagi setiap peraturan yang diperkenalkan atau dipinda.

PROSES PERATURAN

5. Di bawah RPMS, proses penyediaan peraturan baharu atau semakan semula peraturan sedia ada haruslah mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah:
 - i. Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN): Pengawal Selia hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada MPC mengenai setiap cadangan untuk membangun, menyemak, meminda atau memansuh peraturan dengan menggunakan DRN;

- ii. Penilaian Awal RIS - Jika RIS diperlukan, Pengawal Selia perlu menyediakan empat (4) elemen pertama yang terdiri daripada pernyataan masalah, objektif, opsyen-opsyen dan kaedah yang akan digunakan untuk analisis impak; dan
 - iii. Penilaian Akhir RIS – Pengawal Selia perlu menyediakan RIS yang mengandungi kesemua tujuh (7) elemen dan MPC akan memberikan maklum balas berkenaan kecukupan elemen. Pengawal Selia kemudiannya perlu menghantar RIS yang telah ditambah baik berdasarkan maklum balas MPC. Penilaian akhir RIS akan dikeluarkan selepas semakan MPC.
6. Proses peraturan dilampirkan di (**Lampiran C : Proses RIA**). Panduan untuk melaksanakan RPMS dan penyediaan RIS disediakan dalam Buku Panduan Amalan Baik Peraturan 2.0 yang dikeluarkan oleh MPC.

ANALISIS IMPAK PERATURAN (RIA)

7. Analisis Impak Peraturan (RIA) perlu dilaksanakan oleh Pengawal Selia bagi setiap cadangan peraturan baharu atau perubahan kawal selia dan semakan semula peraturan sedia ada. Tujuan RIA adalah untuk meningkatkan kualiti dasar dan peraturan melalui:
- i. Analisis cadangan peraturan yang teliti, mantap dan menyatakan kos serta faedah;
 - ii. Menilai masalah melalui opsyen status quo, peraturan atau bukan peraturan; dan
 - iii. Memastikan penyelesaian dasar tertentu dapat menghasilkan keputusan yang dikehendaki.

8. RIA merangkumi elemen-elemen seperti berikut:

i. **Penyataan Masalah**

Isu atau masalah yang ingin ditangani perlu dinyatakan secara jelas dalam RIS. Simptom-simptom dan punca masalah hendaklah dibezakan dengan teliti. Sekiranya masalah melibatkan risiko terhadap masyarakat awam, perniagaan, pekerja atau alam sekitar, perincian risiko hendaklah disediakan.

ii. **Objektif**

Objektif merujuk kepada tujuan atau matlamat dasar yang ingin dicapai daripada cadangan intervensi atau tindakan Kawal Selia peraturan. Objektif perlu mempunyai perkaitan dengan isu atau masalah yang dikenalpasti untuk penyelesaian. Objektif hendaklah diperincikan dengan mengambil pendekatan bahawa iaanya spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik, terikat dengan masa, beretika dan berdasarkan kajian (SMARTER).

iii. **Opsyen**

Pengawal Selia hendaklah mempertimbangkan opsyen status quo, peraturan dan bukan peraturan dalam menangani isu, masalah atau risiko yang telah dikenalpasti. RIS hendaklah memperincikan setiap opsyen dan kemungkinan risiko yang berkaitan serta menjelaskan bagaimana opsyen tersebut, sekiranya dilaksanakan, akan membantu mencapai hasil yang diingini.

iv. Analisis Impak

Langkah selanjutnya dalam RIA ialah melaksanakan analisis menyeluruh mengenai kos dan faedah bagi opsyen yang telah dikenalpasti. Objektif utama analisis impak adalah untuk memaklumkan pembuat keputusan mengenai kesan-kesan yang mungkin timbul daripada opsyen-opsyen yang ada.

v. Konsultasi Awam

Sebarang cadangan peraturan baharu atau pindaan peraturan sedia ada hendaklah melibatkan konsultasi dengan pihak berkepentingan terutamanya dengan pihak-pihak yang terkesan daripada cadangan tersebut. Konsultasi hendaklah dilakukan untuk tempoh minimum 30 hari bagi memastikan bahawa pelbagai impak dibincangkan dan maklum balas didengari serta diambil kira.

vi. Kesimpulan dan Syor

Bahagian ini merangkumi pernyataan yang jelas berkenaan cadangan opsyen yang dipilih berdasarkan analisis impak yang dilaksanakan.

vii. Strategi Pelaksanaan

Strategi pelaksanaan terdiri daripada pelan komunikasi, penguatkuasaan, serta pemantauan dan penilaian. Ini bertujuan bagi memastikan pembuat keputusan dimaklumkan sepenuhnya tentang keperluan pelaksanaan dan sumber yang ada dalam melaksanakan opsyen yang dipilih.

TERMA RUJUKAN PENYELARAS PERATURAN

1. Pengenalan

Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) mewajibkan setiap Pengawal Selia untuk melantik seorang atau lebih Penyelaras Peraturan di kalangan pegawai kanan dan lantikan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada MPC.

Pengawal Selia bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS) seperti yang ditakrifkan di dalam NPGRP.

2. Tugas dan Peranan

Penyelaras Peraturan bertindak sebagai individu utama bagi mewakili Kementerian atau Agensi dalam urusan berkaitan penggubalan dan penguatkuasaan peraturan. Penyelaras Peraturan merupakan individu yang bertanggungjawab dalam segala komunikasi dengan MPC.

Penyelaras Peraturan bertanggungjawab untuk:

- i) Memudahcara pelaksanaan peraturan di Kementerian/Agensi dengan:
 - Mengetuai usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sistem pengurusan peraturan yang berkualiti;

- Berkongsi dan menggalakkan amalan terbaik mengenai Analisis Impak Peraturan (RIA);
 - Memastikan koordinasi yang baik dan menyeluruh antara semua Kementerian/Agensi;
 - Mengenal pasti keperluan khidmat latihan dan khidmat nasihat, mendapatkan maklum balas perubahan peraturan dan mencadangkan tindakan susulan; dan
 - Menyebarluaskan panduan dan maklumat kepada pegawai di Kementerian/Agensi mengenai perkara yang berkaitan dengan NPGRP.
- ii) Pemantauan dan tadbir urus dengan cara:
- Memaklumkan kepada MPC berkenaan cadangan untuk membangun atau meminda peraturan;
 - Memastikan kualiti RIA dan Penyata Impak Peraturan (RIS) yang dihasilkan adalah berkualiti;
 - Mengenalpasti penambahaikan yang perlu pada RPMS dan melaporkan kepada pihak pengurusan atasan; dan
 - Mewakili Kementerian/Agensi bagi cadangan berkaitan dengan penambahbaikan RPMS.
3. Mengemukakan laporan tahunan kepada MPC yang mengandungi:
- i. Pelan peraturan tahunan yang mengandungi perancangan pindaan atau/dan pembangunan peraturan bagi tahun semasa;
 - ii. Laporan pencapaian dan pematuhan terhadap syarat pelaksanaan NPGRP; dan
 - iii. Senarai peraturan baharu dan/atau pindaan peraturan yang dilaksanakan di tahun sebelumnya.

LAMPIRAN C

PROSES RIA

Penilaian Notifikasi
Peraturan secara
Digital (DRN)

Penilaian Awal RIS

Penilaian Akhir RIS

Pengawal Selia memaklumkan MPC dengan mengisi DRN

Penilaian keperluan RIA
MPC menilai keperluan RIA

TIDAK

Pengawal Selia
meneruskan proses
draf peraturan

YA

Pengawal Selia mengemukakan RIS
RIS mengandungi 4 elemen pertama

Maklum balas Awal MPC

Pengawal Selia mengemukakan RIS
RIS perlu mengandungi kesemua 7 elemen

Maklum balas akhir MPC